



TUJUAN mesyuarat diadakan supaya tugas dapat dijayakan dengan sempurna. – Gambar hiasan

Berkat adab bermesyuarat

KOLUMNIS

Oleh DZUHAILMI DAHALAN

dzuhailmi@upm.edu.my
 Pegawai Penyelidik Sosial,
 Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS),
 Universiti Putra Malaysia



MESYUARAT merupakan salah satu medium untuk menyelesaikan masalah. Malah, terdapat dalam sebuah hadis yang diriwayatkan at-Tabrani menyebut: "Tidak rugi orang yang beristikharah dan tidak menyesal orang yang bermesyuarat".

Selain itu, dalam al-Quran terdapat satu surah yang dinamakan *asy-Syu'araa'* yang bermaksud mesyuarat.

Dalam konteks kumpulan organisasi kerja, tujuan mesyuarat ialah supaya tugas dapat dijayakan dengan sempurna. Mesyuarat berfungsi untuk memusatkan hati dan fikiran ahli mesyuarat terhadap agenda yang perlu diselesaikan.

Matlamat sesebuah organisasi tidak boleh dicapai jika ketua dan pengikut 'tidur sebanjal, tetapi mimpi berbeza'. Dari perspektif Islam, kesatuan kumpulan tidak sekadar wujudnya ketua dan pengikut. Ia juga mensyaratkan kesatuan hati dan fikir.

Tetapi, mengapa sering kali mesyuarat tidak dapat menyatukan hati dan fikir kumpulan organisasi walaupun mesyuarat kelihatan gah? Ada kemungkinan mesyuarat

dikuatiri berjalan tanpa mengikut adab.

Dalam Islam, kejayaan mesyuarat tidak bergantung kepada tempoh sesebuah mesyuarat atau siapa yang bermesyuarat, tetapi sejauh manakah adab mesyuarat dipatuhi.

Walaupun pengagihan tindakan dalam kalangan ahli mesyuarat di sesebuah organisasi dapat disempurnakan melalui mesyuarat yang tidak mengikut adab, hakikatnya organisasi memilih jalan yang sukar untuk berkembang maju.

Dalam konteks organisasi kerja, ketua yang baik sentiasa bermesyuarat dengan pengikutnya. Ketua berhak menentukan dengan siapa dia harus bermesyuarat pada perkara-perkara tertentu mengikut kebijaksanaannya.

Pada masa sama, ahli mesyuarat yang baik merupakan individu atau kumpulan yang menerima keputusan mesyuarat dengan hati terbuka sekalipun keputusan tersebut bertentangan dengan kehendak diri.

Berikut beberapa adab penting dalam mesyuarat:

1 Mesyuarat perlu ada seorang pembuat kata putus. Pembuat kata putus merupakan pengerusi yang dilantik untuk mengendalikan mesyuarat.

2 Pengerusi meminta pandangan daripada ahli mesyuarat tentang perkara

yang dibincangkan. Jika ahli mesyuarat tidak ramai, ada baiknya pendapat diminta daripada semua ahli.

3 Nyatakan pandangan 3 ringkas dan padat. Elakkan memberi justifikasi berlebihan dengan tujuan untuk mendesak pengerusi menerima pandangan.

4 Jangan sekali-kali, memotong pandangan ahli lain sehingga pandangannya selesai.

5 Ketika keputusan hendak dibuat, semua ahli meletakkan kebijaksanaan kepada pengerusi untuk membuat keputusan.

6 Semua ahli perlu berlapang dada serta mengangap keputusan mesyuarat adalah keputusan bersama.

7 Dari perspektif Islam, sekiranya seseorang ahli mesyuarat mendapati pandangannya diterima, dia beristighfar dan ada rasa khuatir jika pandangannya tadi memberi kesan yang tidak baik ke atas kesejahteraan organisasi.

8 Mesyuarat ditutup dengan sedikit penghargaan daripada pengerusi kepada ahli mesyuarat untuk bersama menjayakan keputusan mesyuarat.

Bagi penganut Islam, setiap ahli mesyuarat membaca doa kafarah majlis.

Bermesyuarat adalah sunah. Namun, memecahkan hati ahli mesyuarat adalah haram.

TA'LIM

Bersama
 MOHD. DZIAULHAQ
 HASHIM
 Pegawai Dakwah
 PPZ-MAIWP



Hukum doktor lelaki sambut kelahiran

SOALAN

APAKAH hukum seorang wanita yang bersalin dan kelahiran tersebut disambut oleh doktor lelaki?

JAWAPAN

SITUASI inilah yang sering dihadapi oleh para ibu. Hakikatnya keutamaan menyambut kelahiran adalah seperti berikut:

- Wanita yang akan melahirkan anak wajib disambut oleh doktor

wanita Islam sekiranya terdapat doktor wanita Islam ketika itu. Hari ini, ramai para ibu yang memilih untuk bersalin di hospital swasta. Kebiasaannya, para ibu boleh membuat permintaan doktor yang bakal menyambut kelahiran bayi mereka. Oleh itu, wajib para ibu memilih doktor wanita Islam baik kelahiran itu normal ataupun pembedahan.

- Sekiranya dalam hospital itu tiada doktor wanita Islam, maka doktor bukan Islam dibolehkan menyambut kelahiran tersebut.

- Sekiranya tiada doktor wanita bukan Islam maka kelahiran tersebut boleh disambut oleh doktor lelaki.

- Sekiranya hanya doktor lelaki bukan Islam sahaja yang ada, maka dibolehkan doktor tersebut untuk menyambut kelahiran itu. Seandainya, seorang wanita tiada pilihan saat ingin melahirkan anak dan pada masa itu hanya terdapat doktor lelaki, nyawa bayi dan ibu lebih penting. Jadi, dibolehkan sesiapa sahaja menyambutnya.

Keharusan anak dara menyusukan bayi

SOALAN:

BOLEHKAH seorang wanita yang belum berkahwin (anak dara) menyusukan anak angkatnya supaya menjadi anak susuannya?

JAWAPAN

DIHARUSKAN, namun untuk menjadikan bayi tersebut sebagai anak susuan, bayi yang disusukan itu berusia kurang dari dua tahun dengan lima kali kenyang.

Bagaimanapun ia berbeza dengan wanita yang menyusukan anak orang lain setelah melahirkan anak sendiri. Susu badannya disifatkan berpunca daripada suaminya. Kepada anak dara yang mempunyai anak susuan, selepas wanita itu berkahwin kelak, suaminya tidak boleh dianggap sebagai bapa susuan pada anak tersebut.

Seandainya anak itu perempuan, maka hukum hakam berkaitan bukan mahram seperti menutup aurat, haram bersentuhan dan sebagainya perlu dititikberatkan. Anak tersebut tidak dikira sebagai mahram kepada suami ibu susuannya.



WANITA yang melahirkan anak wajib disambut oleh doktor wanita Islam.